

13 JAN 1996

Anwar - pertandingan

CALON NAIB PRESIDEN UMNO PERLU PATUHI ETIKA PARTI DALAM PERTANDINGAN

BUTTERWORTH, 13 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menasihati calon-calon yang menawarkan diri untuk bertanding jawatan Naib Presiden UIMNO supaya mematuhi etika parti pada pertandingan itu.

Beliau berkata UMNO mempunyai etika dan garis panduan tertentu yang harus dipatuhi berhubung perkara ini.

Katanya beliau menyambut baik cadangan enam calon untuk menawarkan diri bagi jawatan itu tetapi menegaskan bahawa walaupun mereka bebas bertanding, etika parti harus dijaga.

"Bertanding boleh tetapi kita terikat dengan etika dan garis panduan dan saya rasa elok kita patuhi semuanya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang dan menemui anggota-anggota Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Seberang Perai daripada UMNO di Bangunan UMNO Bagan di sini.

Anwar, yang juga Timbalan Presiden UMNO dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang, berkata beliau percaya Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi pandangan dan arahan berhubung perkara itu pada mesyuarat Majlis Tertinggi akan datang.

Enam tokoh yang menawarkan diri itu ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar, Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib, Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Besar Selangor Tan Sri Haji Muhammad Haji Muhammad Taib dan Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Muhyiddin, Muhammad dan Najib mempertahankan jawatan itu yang mula disandang tiga tahun lepas.

Ketika ditanya mengenai pendirian Badan Perhubungan UMNO Negeri mengenai tawaran Abdullah untuk bertanding, Anwar berkata perkara itu dimaklumkan secara rasmi pada mesyuarat hari ini tetapi tiada perbincangan mengenainya dibuat memandangkan terlalu awal untuk mereka berbuat demikian.

Katanya, Abdullah, yang juga Anggota Parlimen Kepala Batas, ada menghubunginya menerusi telefon untuk memaklumkan perkara itu dan meminta maaf kerana tidak dapat hadir pada mesyuarat hari ini.

Bagaimanapun beliau menasihati badan perhubungan supaya tidak terlalu ghairah dan "riuh" mengenai pertandingan itu dan meminta mereka menumpukan perhartian kepada usaha mengukuhkan jentera pentadbiran parti dan kerajaan.

Mengenai pembinaan projek perumahan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), beliau berkata setakat ini projek berkenaan akan dilaksanakan di Sungai Buloh, Selangor dan sekiranya berminat menyertainya Pulau Pinang boleh berbincang dengan KWSP.

Bagaimanapun, katanya beliau telah memaklumkan perkara itu kepada Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan meminta kerajaan negeri meninjau tapak yang sesuai bagi tujuan itu.

Pada mesyuarat hari ini Badan Perhubungan turut membincangkan beberapa perkara antara lain kegiatan untuk bulan Ramadhan, sambutan 50 tahun UMNO di Pulau Pinang dan kedudukan UMNO bahagian Tanjong yang digantung.

Anwar berkata persiapan sambutan itu di negeri ini akan dibuat selepas Majlis Tertinggi memutuskan mengenai tarikhnya pada mesyuarat 16 Jan ini.

-- Bernama.